



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO
TARIKH	:	8/11/2019
JABATAN	:	JPS
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN

Elak bahan kimia masuk Sungai Klang

Shah Alam: Puluhan tong berisi sisa buangan kimia gliserin yang ditemui di kawasan tanah lapang bersebelahan Sungai Klang di Kampung Kandan Dalam Puchong dihalihkan kontraktor dilantik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor, semalam.

Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) dalam satu kenyataan, senalamb kata, tong berkenaan dihalihkan bagi mengelakkan bahan berkenaan memasuki aliran Sungai Klang.

Kenyataan itu berkata, UPBN Selangor membuat pemantauan dan data di lokasi kejadian tumpahan

bahan buangan sisa kimia dan mendapati ada tumpahan bahan kimia gliserin yang diletakkan di sebuah kawasan lapang itu.

"Susulan itu, JPS melantik kontraktor untuk mengalihkan sebahagian tong yang terletak berhampiran sungai.

"Kerja pengalihan tong berkenaan dijalankan dengan bantuan kren dan dibuat bagi menge-lakkan berlaku

tumpahan sisa kimia itu ke dalam Sungai Klang," katanya.

Pada masa sama, UPBN turut memampal notis tanpa tempoh di kawasan binaan haram itu.

"Kawasan berkenaan kini selamat dan terkawal," katanya.

Berdasarkan rakaman dibuat dron milik UPBN Selangor, berpuh-puluh tong itu dikesan diletakkan di tebing Sungai Klang selain kelihatan sisa dipercayai daripada industri pembinaan turut ada di tebing sungai berkenaan.

Kawasan berkenaan kini selamat dan terkawal



UPBN bersama JPS memindahkan tong yang mengandungi sisa kimia gliserin di Kampung Kandan Dalam Puchong.